

14 AUG 1996

LEAD Mahathir-Myanmar

ASEAN TIDAK TAKUT TERHADAP SEKATAN EKONOMI AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ni berkata ASEAN tidak gentar sekiranya Amerika Syarikat mengambil tindakan sekatan ekonomi terhadapnya kerana menerima Myanmar sebagai anggota barunya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Asean yakin Amerika Syarikat tidak akan mengambil tindakan seumpama itu kerana AS mempunyai pelaburan di rantau ini termasuk Myanmar.

"Kita tak takutkannya (Amerika Syarikat) dikenakan sekatan terhadap seluruh ASEAN...saya fikir mereka (AS) akan merasai...mereka mempunyai banyak pelaburan di rantau ini termasuk di Myanmar...mereka nampak minyak mereka akan sampai," katanya apabila ditanya mengenai kemungkinan AS mengenakan sekatan ekonomi terhadap ASEAN kerana membenarkan Myanmar menyertainya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan kunjungan bagi mengucapkan selamat jalan kepada Pengerusi Majlis Pemulihan Undang-Undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar (SLORC) Jen Than Shwe di hotel Istana.

Jen Than Shwe kemudian melakukan kunjungan kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara. Beliau berlepas ke Pulau Pinang hari ini sebelum pulang ke Myanmar pada Jumaat ini.

Apabila ditanya tentang kemungkinan ada di kalangan anggota ASEAN sendiri membantah kemasukan Myanmar ke dalam pertubuhan itu, Dr Mahathir berkata: "Mungkin ada...tetapi saya tak fikir bantahan itu terlalu kuat...yang sebenarnya yang cuba menghalang kemasukan Myanmar ke dalam ASEAN ialah negara asing."

Katanya, ASEAN tidak memaksa anggotanya mempunyai sistem pemerintahan yang sama, sebab itulah ASEAN sanggup menerima kemasukan Vietnam walaupun sistem kerajaannya berbeza.

Dr Mahathir yang mengulangi pendirian Malaysia menyokong penuh kemasukan Myanmar ke dalam ASEAN, berharap ia dapat dilakukan tahun depan supaya pertubuhan itu dapat dianggotai kesemua 10 negara di rantau ini.

ASEAN akan menyambut ulang tahun ke-30 penubuhannya tahun depan. Myanmar yang telah diberi status pemerhati ASEAN tahun lepas diharapkan diterima menyertai ASEAN tahun depan bersama Laos dan Kemboja.

Apabila ditanya mengenai tentangan beberapa pihak di negara ini seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) terhadap Myanmar, Dr Mahathir berkata masalah itu boleh diselesaikan dengan cara lain.

"Putus hubungan tidak bermakna masalah itu akan selesai. Inilah yang kita maksudkan dengan Hubungan Konstruktif.

Apabila ditanya sama ada lawatan Jen Than Shwe membawa hubungan yang lebih baik dengan Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Sekarang kita tahu mengenai Myanmar dan masalah yang dihadapi oleh kerajaannya yang cuba mengatasinya. Mereka telah membawa kemajuan dan pihak lain seharusnya mengakuinya."

"Bila kita kata kita nak adakan hubungan konstruktif dengan Myanmar, negara-negara Barat ketawakan kita. Mereka bersikap sinikal."

Dr Mahathir berkata Myanmar sekarang berbeza dengan dahulu yang mengamalkan dasar pemencilan.

"Sekarang Myanmar mengamalkan sikap terbuka, ekonominya tumbuh pesat dan rakyat hidup lebih selesa dan tak berasa begitu takut seperti dulu,"

katanya. -- BERNAMA  
ARA NMO